



KENYATAAN RASMI  
24 Ogos 2021

## PR1MA BANTU JAYAKAN USAHA MOVAK

*Inisiatif KPKT Untuk Meningkatkan Kadar Vaksinasi Negara*

---

Arau – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) mendukung aspirasi negara dalam menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) melalui Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) yang merupakan inisiatif di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Program ini merupakan antara inisiatif-inisiatif yang diambil Kerajaan dalam memastikan negara mampu menangani COVID-19 sekaligus membawa negara keluar dari pandemik ini.

Bagi siri jelajah MOVAK di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, PR1MA telah menyediakan sebanyak 10 buah bas yang akan berfungsi sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak dan akan memberikan manfaat kepada kira-kira 7,500 penduduk Perlis, 5,000 penduduk Kedah dan 11,000 penduduk Pulau Pinang.

Pengerusi PR1MA YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim berkata, ini merupakan salah satu usaha oleh PR1MA sebagai agensi Kerajaan untuk mempercepatkan kadar vaksinasi supaya mereka dapat dilindungi daripada wabak COVID-19 ini.



“PR1MA selaku agensi di bawah KPKT terpanggil untuk menjalankan khidmat sosial masyarakat selari dengan prinsip Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PR1MA sendiri iaitu untuk membantu mereka yang memerlukan, membina sokongan komuniti terhadap PR1MA dan sekaligus meningkatkan tadbir urus sosial PR1MA kepada masyarakat. Dengan peranan PR1MA ini juga ia diharap dapat membantu dalam meningkatkan kadar vaksinasi dengan memudahkan akses penduduk setempat kepada vaksin yang sedia ada.”

Untuk program MOVAK Perlis yang dijalankan pada 23-25 Ogos, lokasi yang digunakan adalah Dataran MPK Pauh, Dewan Felda Mata Ayer, Dewan Padang Semarak, Dewan Pusat Internet Batas Lintang Simpang Empat, Pusat Khidmat Kubang Gajah dan Dataran Mentaloon.

Untuk negeri Kedah pula, program ini akan dijalankan pada 27 dan 28 Ogos di Stadium Kulim, Dewan Bandar Laguna Merbuk Sg Petani, dan Dewan Jitra Kubang Pasu.

Manakala bagi program MOVAK di Pulau Pinang pada 30 Ogos hingga 2 September, lokasi yang dikenalpasti adalah Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi (Seberang Perai Utara), Kompleks Sukan Jalan Betek (Seberang Perai Tengah), Stadium Batu



Kawan (Seberang Perai Selatan), Stadium Bandaraya (Timur Laut), dan Dewan Perda Teluk Kumbar (Barat Daya).

Pemberian vaksin ini dibuka kepada penduduk di kawasan sekitar dan janji temu diberikan melalui aplikasi MySejahtera. Komuniti PR1MA iaitu penduduk-penduduk residensi PR1MA turut terlibat sebagai penerima vaksin bagi program MOVAK di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang ini.

Menurut KPPT, inisiatif MOVAK ini merupakan kolaborasi antara KPPT, Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), CITF Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri. MOVAK yang dilancarkan pada 6 Julai 2021 oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta YB Menteri Perpaduan Negara telah dilaksanakan di beberapa lokasi dan memanfaatkan pelbagai kumpulan sasaran.

KPPT telah merancang sebanyak 136 program MOVAK melibatkan 25 buah bas yang disediakan PR1MA untuk dilaksanakan di 8 buah negeri di seluruh Semenanjung Malaysia mulai 23 Ogos hingga 27 September 2021.

---

-TAMAT-